

Terima aduan kes dera kanak-kanak paling banyak

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Pusat Talian Kasih mencatatkan peningkatan 70 peratus panggilan diterima sepanjang tahun lalu dengan kes kanak-kanak tertinggi direkodkan.

Timbalan Menteri, Hannah Yeoh berkata, tahun lalu 25,686 panggilan diterima berbanding 15,000 direkodkan pada 2018.

"Kami dapati kes paling banyak adalah penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga.

"Sebanyak 203 kes membabitkan penderaan mental dan fizikal kanak-kanak direkodkan diikuti pengabalian (201 kes), fizikal (128 kes) dan tidak dikenal pasti (71 kes).

"Manakala, jenis penderaan mental dan fizikal bagi keganasan rumah tangga 145 kes dicatatkan dengan kebanyakan aduan daripada mangsa sepanjang tahun lalu," katanya selepas me-

rasmikan Program Kesedaran Kanser Kanak-Kanak Rumah Ronald McDonald's HCTM-UKM di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden Persatuan Kebajikan Ronald McDonald's (RMHC Malaysia), Azmir Jaafar, Gabenor Daerah, Kelab Lions Antarabangsa Daerah 308B1 Malaysia, Datuk Javern Lim Chong Hee, Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr A Rahman A Jamal dan Pengurus Besar Persatuan Kebajikan RMHC, Mohd Nasri Mohd Nordin.

Sementara itu, Hannah berkata, bagi memudahkan orang ramai membuat aduan, kementerian melancarkan WhatsApp Talian Kasih, 019-2615999.

"Menerusi WhatsApp, pengadu boleh melaporkan kes membabitkan isu kebajikan dan keluarga serta berkongsi lokasi kejadian termasuk gambar serta-merta," katanya.



HANNAH bersama bekas pesakit leukemia di HCTM-UKM, semalam.